

**PETIKAN TITAH**

"TIDAK ada dari ajaran Al-Quran, melainkan semuanya itu ialah cahaya dan kekuatan belaka. Cuba kita perhatikan dari perjalanan sejarah, di mana umat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Al-Quran, telah tidak dihancurkan untuk

**MANISNYA IMAN**

"DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Apabila seseorang manusia itu mati, akan terputuslah daripadanya segala amalannya melainkan tiga perkara : Sedekah yang berterusan

**R abu**

12 Oktober, 2005  
8 Ramadan 1426  
Tahun 50 Bilangan 41

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Sorotan Berita](#)[Analisis](#)[Fokus](#)[Bicara IT](#)[Belia](#)[Arena Sukan](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Minda Pembaca](#)[Aneka Rencana](#)[Remaja](#)[Iklan-iklan Jawatan](#)[Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

**MELALUI** Akta Majlis Ugama Islam Brunei dan Mahkamah-mahkamah Kadi bahawa barangsiapa, setelah ditaksirkan dengan sah sebagai bertanggungjawab untuk membayar mana-mana zakat atau fitrah dan gagal untuk memperolehi, secara rayuan atau jalan lain, pembatalan atau pengubahsuaian bagi penaksiran demikian, yang enggan atau sengaja gagal untuk membayar zakat dan fitrah tersebut, adalah melakukan suatu kesalahan. Hukuman, dipenjara selama 14 hari atau didenda sebanyak \$1,000. - Sumber dari Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama

*Pelita Brunei Online*  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:  
[Pelita Brunei](mailto:info@pelita.gov.bn)

**HALUAN**

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sidang Kemuncak ASEAN-PBB, New York, Amerika Syarikat pada 13 September 2005.

*(Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris  
oleh Haji Dayang Haji Kassim  
dayang.kassim@information.gov.bn*

**KERJASAMA ASEAN - PBB :  
DIALOG DAN PERUNDINGAN, ASAS TUNGGAL  
DALAM KENDALIKAN HUBUNGAN ANTARABANGSA**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Tuan Setiausaha Agung dan kakitangan, kerana berkerja keras, khususnya pegawai dan kakitangan Tuan yang berkerja di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan begitu baik walaupun sering berkerja dalam situasi susah.

Itulah salah satu yang ingin beta perkatakan pada pagi ini Tuan Setiausaha Agung. Tetapi beta juga ingin menambah beberapa pemikiran mengenai tugas utama kita dalam mesyuarat ini.

Kerjasama ASEAN-PBB kita, mengenai perkara ini, beta sangat sukacita dan tertarik dengan perkembangan yang telah kita capai, Pengerusi Bersama.

Melihat dari apa yang telah berlaku ketika ini, tidak ada lagi bidang penghidupan moden yang tidak dirapusi dalam kerjasama kita. Dengan mengatakan demikian, beta berpendapat terdapat satu unsur yang perlu kita sering tekankan. Dalam kata lain, jenis hubungan yang kita hasratkan untuk dibentuk. Ia bukanlah satu cara lama di mana penerima menerima sumbangan. Jelasnya, memang terdapat aspek yang sama seperti itu. Dan dalam hubungan itu, kita sangat-sangat menghargai bantuan kewangan yang kita terima dan bantuan praktikal yang ditawarkan oleh PBB kepada kita, khususnya kerja-kerja cemerlang dalam bidang yang telah dilakukan oleh para doktor, guru-guru, jurutera-jurutera dan paakr-pakar terbilang yang memang sangat kita perlukan di rantau kita.

Tetapi beta pasti, Tuan Setiausaha Agung akan bersetuju dengan beta jika beta katakan bahawa hubungan hari ini telah jauh dan dalam dimensinya. Ia adalah salah satu visi ASEAN yang selaras dengan yang ada pada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dalam rantau kita, kita mungkin menghalakan tumpuan kita ke arah sasaran jangka panjang yang sangat teknikal seperti pelaksanaan Rancangan Tindakan Vientiane, mencapai Integrasi ASEAN dan membina Masyarakat Ekonomi ASEAN yang kukuh. Tetapi di sebalik semua usaha ini terdapat jenis nilai-nilai yang ingin kita lihat dalam Asia Tenggara. Dengan yang demikian, Tuan Setiausaha Agung, apa yang beta maksudkan, itulah yang telah dipromosikan sendiri. Suatu yang telah dinyatakan dengan jelas dalam laporan-tuan-tuan mengenai 'kebebasan meluas', hormat-menghormati dan saling memahami antara semua orang tidak kira latar belakang atau budaya, berkongsi sumber kepakaran dan tenaga manusia. Pengiktirafan terhadap kesaksamaan kemanusiaan. Dan mungkin apa yang paling penting dari semuanya ialah keyakinan bahawa dialog dan perundingan adalah satu-satunya asas yang boleh diterima tentang bagaimana untuk melaksanakan hal-ehwal antarabangsa.

Dalam perkataan lain, Tuan Pengerusi Bersama, semua projek dan rancangan kita mempunyai tujuan yang sangat dalam dan tersirat. Ia bertujuan bagi menyediakan orang-orang kita dengan keselamatan yang sepenuhnya di dunia. Itulah mesej yang berterusan yang kita cuba hantar kepada orang-orang kita di Sidang Kemuncak Tahunan ASEAN kita. Dan beta melihat ia sebagai suatu mesej yang sangat penting yang harus kita sampaikan di sidang kemuncak ini.

Tugas kita adalah lebih ringan daripada Tuan Setiausaha Agung. Tetapi beta pasti, bagi mewakili rakan-rakan yang lain dan bagi memastikan kepada Tuan, bahawa ASEAN berkongsi visi Tuan, tentang perdamaian dan kestabilan dan bagaimana cara yang terbaik untuk mencapainya. Beta berpendapat apa yang ada di hati akan kita buat bersama dan beta sangat gembira untuk diberikan peluang mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan semua agensi PBB terhadap apa yang telah mereka lakukan untuk memperkukuh usaha kita.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.